

## Gesa Tabung Haji proaktif bangun ekonomi ummah

**K**UALA LUMPUR: Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa Tabung Haji lebih proaktif membangunkan ekonomi ummah menerusi pengagihan projek secara lebih adil kepada syarikat berstatus Bumiputera bagi mencapai hasrat itu.

Langkah itu disifatkan wajar ketika persatuan berkenaan menerima banyak aduan mengaitkan Tabung Haji dengan beberapa isu termasuk agihan projek kepada usahawan tempatan yang terpaksa bersaing bersama syarikat lain biar pun mempunyai kelayakan diperlukan.

Merujuk kepada aduan terbaru, Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata, sebagai institusi yang menjaga amanah pendeposit, TH sewajarnya memainkan peranan sebagai penjana ekonomi ummah dengan memberikan pulangan perniagaan dan keuntungan.

"Kami terima banyak aduan rasa tidak puas hati usahawan atau kontraktor yang mempunyai sejarah perniagaan dengan TH. Ada mendakwa teraniaya selepas diberikan projek perintis, namun selepas itu tidak berpeluang mendapat tender," katanya.